

# 5 kementerian patut selaras kajian herba

## Setiap agensi laksana fungsi hampir sama: Mustapa

Oleh Khairul Azran Hussin  
[khaiazr@bharian.com.my](mailto:khaiazr@bharian.com.my)

**K**UALA LUMPUR: Pertindihan fungsi dalam aspek pelaksanaan tugas lima kementerian perlu disusun semula bagi memastikan pengeluaran bahan mentah herba negara yang ketika ini dianggarkan bernilai lebih RM400 juta terus berkembang.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed berkata, selain kementeriannya, kementerian terbabit ialah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi; Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pengajian Tinggi.

"Setiap agensi kementerian itu menjalankan tugas yang hampir sama. Contohnya, penyelidikan oleh Mardi, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kementerian Kesihatan adalah untuk meningkatkan kualiti industri herba.

"Namun, langkah bersepadu membolehkan tongkat ali, misai kucing, kacip fatimah, serai dan pelbagai jenis herba diberi perhatian sewajarnya kerana kegunaannya sudah mendapat tempat di kalangan masyarakat, sama ada bagi tujuan penjagaan kesihatan atau kecantikan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas



MUSTAPA (tengah) bersama Zainal Azman dan Mahadzir (kiri) melancarkan Laman Web e-Dagang dan Taklimat Program Pengiklanan Media Internet Industri Herba di Kuala Lumpur, semalam.

merasmikan majlis Pelancaran Laman Web e-Dagang dan Taklimat Program Pengiklanan Media Internet Industri Herba di sini, semalam. Hadir sama, Pengurus Besar Kumpulan Malaysian Herbal Corporation, Zainal Azman Abu Kasim dan Pengerusi DagangAsia Net Sdn Bhd, Mahadzir Mohd Isa.

Mustapa berkata, perubatan herba ditawarkan di tiga hospital terpilih iaitu Hospital Kepala Batas di Pulau Pinang, Hospital Pandan di Johor dan Hospital Putrajaya.

"Ia memperlihatkan per-

**Contohnya,  
penyelidikan oleh  
Mardi, Universiti  
Putra Malaysia  
(UPM) dan  
Kementerian  
Kesihatan adalah  
untuk meningkatkan  
kualiti industri  
herba"**

**Mustapa Mohamed**  
Menteri Pertanian  
dan Industri Asas Tani

kembangan industri herba negara yang semakin mendapat permintaan daripada masyarakat.

"Justeru, kerajaan kini turut mengkaji usaha meningkatkan pengeluaran bahan mentah herba kerana ketika ini negara mengimport 65 hingga 70 peratus bahan mentah dari Indonesia dan India," katanya.

Sementara itu, Zainal berkata, keluaran industri herba tempatan akan meningkat kepada RM8 bilion tahun ini berbanding RM7.5 bilion tahun lalu.